

Rumah utk anggota2 seni pertahankan diri

^{PENCANA} PARA anggota seni ^{SELAT} mempertahankan diri di sini akan dapat bergiat dengan lebih sempurna lagi di masa depan bila sebuah rumah kelab dibina untuk mereka.

Persatuan Jurulatih Seni Mempertahankan Diri Singapura (SMAIA) bercadang untuk mendapatkan rumah kelab tersebut dalam masa setahun dua ini untuk melicinkan lagi kegiatan persatuan itu.

- 3 MAY 1982

Ini telah diberitahu oleh setiausaha SMAIA, Encik Anthony Wee, yang menerangkan buat masa ini persatuan tersebut telah pun mengumpulkan kira-kira \$30,000 untuk projek membina rumah kelab tersebut.

Katanya, sekurang-kurangnya \$1 juta diperlukan untuk membeli rumah tersebut yang lengkap dengan segala keperluan untuk seni mempertahankan diri.

"Disebabkan kami memerlukan masa untuk mendapatkan wang sejumlah itu, maka kami bercadang untuk menyewa dulu sebuah rumah kelab buat sementara untuk menjalankan kegiatan-

kegiatan persatuan ini," kata beliau.

Encik Wee bercadang untuk menyewa tingkat atas sebuah rumah untuk dijadikan rumah kelabnya itu. Sebaik-baiknya ia hendaklah terletak di kawasan Geylang dan ini dipercayai boleh didapati dalam masa tiga bulan akan datang.

Muhibah

Persatuan yang diwakili oleh 152 orang jurulatih yang berdaftar dari 18 jenis seni mempertahankan diri itu, pada masa ini bergiat di bumbung bangunan Persatuan Rakyat (PA) di Kallang.

Menurut Encik Wee, sekiranya mereka mempunyai sebuah rumah yang lebih besar dan lebih sempurna, mereka akan dapat menjalankan berbagai kegiatan yang boleh mempererat hubungan baik dan muhibah di antara para jurulatih.

Selain daripada itu, mereka juga boleh mengadakan perjumpaan yang kerap untuk membincangkan tentang kegiatan masing-masing, menganjurkan kursus seni memp-

ertahankan diri dan mengadakan demonstrasi serta pertandingan.

Menerangkan pula usaha-usaha yang akan dijalankan untuk menjayakan projek membina rumah kelab itu terutama cara-cara menambah kewangan kelab itu, beliau menerangkan bahawa persatuan tersebut merancang untuk mengadakan demonstrasi seni mempertahankan diri tidak lama lagi.

Upacara perasmian pemilihan ahli-ahli jawatan kuasa baru persatuan itu telah diadakan di Persatuan Rakyat pada Sabtu, 1 Mei lalu. Tetamu kehormat ialah Ketua Pengarah Eksekutif PA dan penasihat kepada SMAIA, Encik Lim Chin Teong.